



“  
Ada penyair wanita yang baik dengan karya yang bagus, tetapi jumlahnya mungkin sedikit berbanding dalam bidang prosa”

Karya pengarang dan penyair wanita wajar dikaji tanpa prejudis.

**Fatimah Busu,**  
Pengarang dan mantan

Oleh Hafizah Iszahanid  
hafiza@bh.com.my

# Berikan keadilan kepada pengarang wanita

» Sarjana, ahli akademik diminta nilai puisi mereka dengan ambil kira keseluruhan karya

“Kalau orang yang baca ingat begitu, begitu-lah jadinya. Kalau individu itu mencari unsur pemikiran atau hal lain daripada soal yang mendayu-dayu itu, yang itulah dijumpai.” Spontan pengarang dan mantan pensyarah sastera, Dr Fatimah Busu menjawab apabila dihubungi *Sastera BH* mengenai polemik Penulis Wanita dibuai Perasaan.

Bagaimanapun, mengakui jumlah pengarang wanita yang aktif dalam genre puisi agak terhad berbanding prosa, lalu membuka ruang kepada penyair lelaki lebih berjaya dalam menulis puisi.

“Di negara ini, saya melihat ada empat pengarang yang menulis puisi dengan cukup baik, iaitu Sasterawan Negara (SN), Datuk Usman Awang; SN, Prof Emeritus Datuk Muhamad Salleh; SN, Ahmad Kamal Abdullah (Kemala) dan Abdul Latiff Mohidin.

“Sekiranya penulis yang lebih muda pula, kita boleh lihat kualiti itu pada Dr Shamsudin Othman, Rahimudin Zahari dan Salman Sulaiman,” katanya.

Tegas Fatimah, jika dibandingkan pembabitan pengarang wanita dalam genre puisi dan prosa, karya puisi penulis wanita tidak begitu kuat. Malah Fatimah mendedahkan sepanjang pengalamannya ketika mengajar di Universiti Sains Malaysia (USM), tidak ada kajian dibuat pada peringkat sarjana muda, sarjana atau doktor falsafah yang mengkaji secara khusus tentang puisi pengarang wanita.

## Jumlah sedikit berbanding prosa

“Mungkin kajiannya ada di universiti tetapi saya tidak jumpa di USM. Puisi ini payah untuk mengagali maknanya, tetapi kekurangan

itu tidak pula bermaksud kita tidak ada penyair wanita yang baik.

“Ada penyair wanita yang baik dengan karya yang bagus tetapi jumlahnya mungkin sedikit berbanding dalam bidang prosa,” katanya.

Fatimah turut menyifatkan persoalan tentang pengarang wanita yang lebih suka menulis karya yang membuai perasaan itu sebagai isu lama, klise, prejudis dan diskriminasi.

“Ia adalah isu lapuk. Cuba lihat dalam prosa. Saya sudah menulis tentang politik sejak dekad 1980-an. Kira-kira 90 peratus daripada kumpulan cerpen, *Aduhai*, adalah tentang politik, bahasa, negara dan agama seperti juga deretan cerpen yang saya tulis.

“Jadi, kalau orang menyebut pengarang wanita tidak menulis hal besar sebaliknya lebih suka menulis isu yang remeh-temeh, itu salah,” katanya.

Fatimah berkata, terdapat

beberapa penulis wanita yang lantang bersuara dan menulis persoalan yang besar termasuk isu politik seperti Azmah Nordin, selain dua pengarang wanita angkatan muda.

## Penyair wanita ukir nama

Senada dengan Fatimah ialah Pensyarah Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Samsina Abdul Rahman yang menyifatkan tidak adil untuk menyimpulkan

penyair wanita dibuai perasaan hanya bersandarkan satu atau dua karya penyair wanita.

Meskipun tidak menolak tanggapan bahawa jumlah penyair wanita tidak ramai atau sarjana wanita yang mengkaji puisi, Samsina menegaskan penyair wanita tetap mengukir nama dengan menghasilkan karya yang memiliki falsafah dan pemikiran tinggi.

“Saya akui selepas era Prof Dr Siti Zainon Ismail dan Datuk Dr Zurinah Hassan, terdapat lompong penyair wanita sekitar dekad

“Mungkin penyair wanita lebih selesa untuk menulis secara eceran dan tidak menghimpunkan puisi dalam kumpulan puisi sehingga tidak mendapat perhatian berbanding dalam genre prosa yang menyaksikan pengarang wanita lebih ramai menulis novel dan cerpen”

Dr Samsina Abdul Rahman,  
Pensyarah Jabatan Bahasa Melayu, FBMK UPM

1990-an yang mungkin berlarutan sehingga kini seperti yang dibuktikan dengan tiadanya penyair wanita yang memenangi sayembara.

“Mungkin penyair wanita lebih selesa untuk menulis secara eceran dan tidak menghimpunkan puisi dalam kumpulan puisi sehingga tidak mendapat perhatian berbanding dalam genre prosa yang menyaksikan pengarang wanita lebih ramai menulis novel dan cerpen,” katanya.

Apabila menyebut nama penyair wanita, Samsina berkata, khalayak hanya melihat pada Siti Zainon, Zurinah, Zaihasra dan Siti Zaleha M Hashim sedangkan generasi muda masih tidak kelihatan, kecuali Raihani Mohd Saaid.

## Tafsiran puisi berbeza

Bagaimanapun, tegas Samsina, untuk menyebut penyair wanita terbuai perasaan itu kurang sesuai kerana kedudukan puisi itu sendiri memiliki tafsiran berbeza pada setiap pembaca.

“Perasaan itu perlu ada sebagai elemen dalam bidang kreatif, selain pemikiran dan tema. Bagaimanapun, persoalan penting adalah ke mana perasaan itu membawa kita.

“Misalnya kalau menulis tentang suka, duka, rindu dan cinta, tetapi kalau akhirnya membawa kepada persoalan pengabdian diri kepada Ilahi, mengapa perlu mengatakan karya itu dibuai perasaan?” soalnya.

Isu sebenarnya, bagi Samsina, bergantung kepada pembaca atau pengkaji kerana sekiranya mencari pemikiran dan falsafah dalam karya, maka hal itulah yang akan ditemui.

“Bacalah dan kajilah lagi sebelum memutuskan demikian. Contohnya secara peribadi saya menulis sebagai terapi dan jalan untuk berdakwah, manakala puisi Aminah Mokhtar yang latar kerjayanya jururawat pula lebih bercerita mengenai dunia itu,”

